



TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT
KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM**

TEMA :

**ADICITA BITARA
SIRAT KEGEMILANGAN**

14 FEBRUARI 2017, 9.00 PAGI
AUDITORIUM JPA, ARAS 4

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Salam 1Malaysia: Rakyat Didahulukan,
Pencapaian Diutamakan dan Salam
Sehati Sejiwa

Yang dihormati Saudara/Saudari
Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Mohtar bin
Mohd Abdul Rahman
Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Pembangunan);

Yang Berbahagia Dato' Sabariah binti Hassan

Timbalan Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam (Operasi);

Yang Berusaha Tuan Haji Suhaime bin Mahbar

Pengarah Bahagian Penyelidikan,
Perancangan dan Dasar;

Yang Berbahagia Datuk/Dato', tuan-tuan dan puan-puan, warga JPA yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran

ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Amanat Jabatan Perkhidmatan Awam di pagi yang diberkati ini.

2. Terlebih dahulu, tidak terlambat kiranya saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2017 kepada semua warga JPA. Semoga dengan bermulanya tahun baru ini, maka bermulalah azam dan semangat baharu dalam diri setiap warga untuk mempamerkan kesungguhan dan kreativiti masing-masing dalam tugas yang telah

diamanahkan. Harapan saya agar segala usaha mengukir lebih banyak kejayaan gemilang buat Jabatan Perkhidmatan Awam akan diteruskan.

3. Saya sebagai kepimpinan baharu JPA amat mengharapkan sepenuhnya komitmen dan kerjasama daripada warga JPA agar misi dan visi JPA yang telah digariskan dapat direalisasikan bersama. Jika ada yang bertanya apa pendekatan saya dalam menakhodai JPA ini, jawapan saya MUDAH. Kenapa saya kata mudah? Kerana saya orang yang mudah – *I am a simple person and not complicated.*

Kedua, saya berpegang kepada prinsip bahawa kita perlu memudahkan urusan orang lain terutamanya *stakeholders* kita – *facilitate and don't frustrate*. So, how are we going to facilitate? Firstly, don't say NO, saya NOW! Segerakan segala urusan pelanggan-pelanggan kita. Ini belum apa-apa kita dah jawab TIDAK BOLEH. Tukar mentaliti itu, cuba fikir bagaimana boleh kita membantu. Itu serba sedikit ‘mukadimah’ mengenai saya serta prinsip kerja dan pendekatan saya.

4. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar atas penganjuran majlis amanat yang penuh bermakna ini. Tema perhimpunan kita pada pagi ini ialah ADICITA BITARA SIRAT KEGEMILANGAN. Saya rasa ramai yang tertanya-tanya apa maksud perkataan “Adicita” itu? ‘Pucuk dicita ulam mendatang’ pernahlah dengarkan? ADICITA BITARA SIRAT KEGEMILANGAN bermaksud ‘Ideologi yang tiada taranya merupakan sirat atau jambatan menuju kegemilangan.

5. Dalam konteks ini, sesungguhnya pemilihan tema perhimpunan pagi ini adalah bertepatan dengan hasrat saya yang ingin mencatur pemikiran warga JPA ke arah penjanaan adicita ataupun Ideologi yakni kepercayaan atau pegangan kita semua yang bitara, tiada tolok bandingnya, agar ianya menjadi sirat atau jambatan kepada kejayaan matlamat dan misi organisasi ini, yang sudah pastinya, disasarkan ke arah kegemilangan.

6. Seperti yang para hadirin telah sedia maklum, misi JPA ialah Memacu dan Meneraju Pembangunan Sumber

Manusia Perkhidmatan Awam. Oleh kerana itu, warga JPA seharusnya lah memiliki elemen pemikiran kreatif, gaya kepimpinan terpuji, prakarsa transformatif, idea inovasi, swadaya dan budi bahasa yang bernilai tinggi, terhimpun dalam satu pakej dan diterap dalam diri, bagi memastikan kita berupaya memacu dan meneraju pembangunan sumber manusia Perkhidmatan Awam.

7. Bagaimanalah kita hendak memacu dan meneraju jika diri kita sendiri tiada sifat, ilmu dan jati diri yang lebih baik daripada individu atau agensi

yang ingin dipacu dan diterajui? Saya sama sekali tidak mahu JPA dikatakan sebagai agensi pusat yang hanya pandai menyuruh orang membuat sesuatu tetapi JPA sebagai organisasi, sukar untuk melaksanakannya seperti kata Peribahasa Melayu '*apa perduli pada kukuran, nyiur juga yang akan habis*'.

8. Dengan kata lain, JPA tidak harus dilihat sebagai agensi yang hanya pandai membangunkan dasar tetapi gagal mengaplikasikannya secara telus dan adil. Kerana itu, untuk bertindak sebagai pemacu dan

peneraju, warga JPA harus bersiapsiaga dengan ilmu dan kemahiran dan bertindak sebagai pemangkin kepada pembangunan sumber manusia di peringkat Kementerian, Jabatan dan agensi lain.

TAHUN PENYAMPAIAN PENJAWAT AWAM

Hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Pada 10 Januari 2017 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri

bahawa tahun 2017 merupakan Tahun Penyampaian Penjawat Awam. Dalam amanat tersebut, YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa pelaksanaan projek, program dan perkhidmatan yang dirancang harus berpaksikan kepada kesejahteraan dan kebajikan untuk rakyat dan negara. Penyampaian perlu mengikut jadual yang dirancang dan sekiranya terdapat sebarang kekangan, semua pihak yang terlibat harus melaksanakan koordinasian semula, duduk semeja dan jangan membiarkan diri dibelenggu silo masing-masing serta memerangkap pelanggan dalam

jaringan birokrasi yang keterlaluan lantas melewatkkan program yang telah dijanjikan. Tindakan ini pada akhirnya akan hanya menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan rakyat.

10. Terkini dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri pada 6 Februari 2017 baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah menyatakan hasrat beliau untuk melihat Kerajaan menjadikan kecekapan menjalankan segala projek kepada rakyat sebagai kekuatan dalaman yang perlu diperkuatkan

dalam menghadapi situasi ekonomi global tidak menentu.

11. Kekuatan dalam yang dimaksudkan oleh YAB Perdana Menteri ini bukan hanya dari segi perpaduan, keharmonian kaum dan semangat patriotisme tetapi tumpuan perlu diberikan kepada sistem penyampaian dan produktiviti sebagai penjawat awam. Penjawat awam digesa untuk meningkatkan output dan outcome dengan berkesan di samping memberi penekanan kepada pembuatan keputusan yang cepat dan tepat.

12. Saya berharap hadirin sekalian bersama-sama membantu saya merealisasikan hasrat YAB Perdana Menteri ini. Bersama-sama lah kita bekerja bersungguh-sungguh dengan seikhlas hati. Kesungguhan yang disulami keikhlasan akan terpancar dan kejayaan gemilang akan terus terlakar. Percayalah, keikhlasan itu walau tidak dapat dilihat tetapi dapat dirasai! Oleh itu, sebagai penjawat awam, ikhlaslah dalam berbakti demi ibu pertiwi!

KEBAJIKAN PENJAWAT AWAM

Hadirin yang dikasihi sekalian,

13. Seperti mana yang kita semua telah sedia maklum bahawa di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 telah direncanakan pelbagai pembaharuan dan pengukuhan bagi memenuhi ekspektasi rakyat seperti perkhidmatan awam yang lebih kejat, memudah cara, cekap dan produktif, berkemahiran, terbuka, inovatif dan kurang birokratik dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik dan kos efektif kepada rakyat dan negara. Menyedari hakikat ini, melalui RMK-11 juga, Kerajaan telah menggariskan keperluan untuk

setiap organisasi agar menyediakan persekitaran kerja yang fleksibel bagi memaksimumkan produktiviti demi memperkuuh pengurusan bakat untuk Perkhidmatan Awam di masa hadapan.

14. Di antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh JPA ialah:

- (i) penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Pengaturan Kerja Fleksibel (FWA) yang memperuntukkan format Waktu Kerja Anjal dan Waktu Kerja Padat Seminggu;

(ii) menzahirkan keprihatinan kepada institusi kekeluargaan dalam konteks penjagaan kesihatan anak bagi pegawai yang menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin dengan menambahbaik Kemudahan Cuti Kuarantin melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2016;

(iii) penambahan satu lapisan gred untuk Pakar Perubatan iaitu UD55/56 dan Pakar

Pergigian iaitu UG55/56 dengan pindaan ke atas skim perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2016.

- (iv) Tidak terkecuali pindaan yang sama ke atas skim perkhidmatan Pensyarah bagi kedua-dua bidang kepakaran melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 Tahun 2016; dan
- (v) mengiktiraf pegawai Perkhidmatan Awam

Persekutuan yang memiliki keupayaan intelektual dan kepakaran yang tinggi, berpengalaman luas dalam bidang kepakaran dengan mewujudkan kemajuan kerjaya bagi pakar bidang khusus melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2016 serta mewujudkan kemajuan kerjaya laluan secara pantas melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2016.

15. Semua yang dinyatakan tersebut adalah antara contoh keprihatinan JPA terhadap warga Perkhidmatan Awam demi untuk memastikan warganya dapat berkhidmat dengan lebih cemerlang, Lebih fokus dalam bekerja dan dalam masa yang sama berupaya menguruskan keluarga dengan baik dan sempurna.

**MEMIMPIN DAN DIPIMPIN: JAUHI
BUDAYA KONFRONTASI,
LEBIHKAN KONSULTASI**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

16. Tatkala dilambung gelombang globalisasi, kita harus bijaksana mengimbangkan tuntutan tradisi dan keperluan melaksanakan transformasi. Di situlah letaknya kebijaksanaan pemimpin yang bestari kerana perjuangan tanpa pemimpin ibarat kapal di atas lautan tiada bernakhoda.

17. Di dalam dunia yang penuh dengan mehnah dan tribulasi, pemimpin yang berupaya membawa obor transformasi adalah sangat kritikal. Dalam sesebuah organisasi, pemimpin yang memiliki kepimpinan transformasi akan menjadi penggerak

dan berperanan membantu organisasi melaksanakan perubahan positif, mempunyai visi dan misi, diyakini, dihormati, dan diterima pengikut. Mereka bukan sahaja berupaya mengemukakan wawasan-wawasan baharu malahan mampu menggerakkan seluruh tenaga kerja ke arah mengaplikasikan idea-idea yang lebih kreatif dan inovatif dalam organisasi. Pemimpin sebeginilah yang diperlukan dalam perkhidmatan awam.

18. Perkara ini dibenarkan oleh kata-kata Gary Burnison dalam buku beliau

bertajuk “Leadership Journey: How to Master the Four Critical Areas of Being a Great Leader” yang diterbitkan tahun lalu. Beliau menyebut bahawa- “The journey is never about the leader, but it starts with the leader. Along the way, the leader is the motivator, navigator, and guide: charting the course, setting the pace, and changing direction when necessary.”

19. Justeru, saya menyeru warga Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menjadi pemimpin yang boleh diteladani oleh anak buah dan pengikut-pengikut yang ada. Kita telah

dikurniakan akal dan lidah yang membolehkan kita menyusun kata, merungkai makna, mengungkap pandangan dan menzahirkan pendapat, maka gunakanlah nikmat tersebut untuk membentuk diri sebagai seorang pemimpin yang berwibawa dan disegani.

20. Memperkatakan mengenai perkara ini, saya terpanggil untuk turut menyentuh mengenai amalan atau tindakan segelintir penjawat awam yang bertindak sebagai ‘pejuang papan kekunci’ atau keyboard warrior. Kumpulan ini gemar membuat catatan

negatif atau kata-kata yang kurang baik mengenai perkhidmatan awam mahupun Kerajaan dalam pelbagai medium media sosial. Kata-kata atau berita yang dinyatakan tersebut yang belum tentu kesahihannya kemudiannya menjadi tular dalam masyarakat.

21. Saya berharap agar warga JPA tidak menjulang budaya konfrontasi dan berusaha untuk meningkatkan amalan konsultasi. Dalam hubungan ini, saya menyeru agar warga JPA tidak ada yang terlibat dalam perkara yang tidak sihat seumpama ini. Semoga kita

tergolong dalam kumpulan orang yang suka bercakap yang baik-baik atau lebih baik berdiam diri daripada berkata-kata yang boleh memudaratkan diri sendiri.

22. Imam Abu Hatim Ibnu Hibban Al-Busti dalam kitabnya, Raudhah Al-'Uqala wa Nazhah Al-Fudhala pernah berkata:

“Lisan seorang yang berakal berada di bawah kendali hatinya. Ketika dia hendak berbicara, dia akan bertanya terlebih dahulu

kepada hatinya. Apabila perkataan tersebut bermanfaat bagi dirinya maka dia akan bebicara, tetapi apabila tidak bermanfaat maka dia akan diam. Sementara orang yang tidak cerdik, hatinya berada di bawah kendali lisannya. Dia akan berbicara apa saja yang ingin diucapkan oleh lisannya. Seseorang yang tidak berupaya menjaga lidahnya bererti tidak faham agamanya.”

PENUTUP BICARA

Hadirin yang dihormati,

23. Apa yang kita tanam. Itu yang akan kita tuai. Oleh itu, marilah kita fikir yang baik-baik, berbicara yang baik-baik. Tanamkan juga ideologi hebat agar akhirnya pemikiran atau kepercayaan ini mampu menjadi titian kepada kegemilangan organisasi kita. Insya Allah yang baik-baik dan yang hebat-hebat sahaja yang akan datang kepada kita.

Dengan kata-kata itu, maka saya akhiri ucapan saya pada hari ini dengan kalimah Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.